



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007**

NAMA MATAPELAJARAN : PERPUSTAKAAN DIGITAL

KOD MATAPELAJARAN : BTI 3243

KURSUS : 3 BTI

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

ARAHAN: Jawab **SEMUA** soalan.

- S1** (a) Takrifkan perpustakaan digital. (1 markah)
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah perpustakaan digital perlu di wujudkan? Huraikan **TIGA (3)** pendapat. (9 markah)
- S2** Pelbagai institusi telah membangunkan perpustakaan digital untuk kegunaan masing-masing.
- (a) Nyatakan **EMPAT (4)** jenis institusi yang terlibat (secara umum). (4 markah)
- (b) Terangkan perbezaan fungsi dan koleksi digital bagi **DUA (2)** daripada **EMPAT (4)** institusi tersebut. (6 markah)
- S3** (a) Nyatakan **SATU (1)** perbezaan di antara *open access* dengan *e-print*. (4 markah)
- (b) Senaraikan **TIGA (3)** perisian dalam pembangunan suatu perpustakaan digital. Nyatakan **SATU (1)** contoh bagi setiap perisian tersebut. (6 markah)
- S4** (a) Secara umumnya, berikan **DUA (2)** sebab mengapa hakcipta perlu diwujudkan? (4 markah)
- (b) Apakah masalah yang sering timbul apabila isu hakcipta dokumen dikaitkan dengan perpustakaan digital? (2 markah)
- (c) Huraikan mengenai **TIGA (3)** kaedah yang diperlukan dalam membina koleksi digital. (4 markah)

- S5** Pemeliharaan (*preservation*) dokumen merupakan satu isu penting dalam perpustakaan digital, di mana ia berkaitan dengan penyimpanan maklumat secara berterusan dan tanpa luput.
- (a) Apakah perkara utama yang perlu di hadapi sepanjang merealisasikan isu penyimpanan ini? (2 markah)
- (b) Bagaimanakah suatu penyimpanan dapat dilaksanakan terhadap medium storan dan terhadap capaian kepada isi kandungan suatu perpustakaan digital? (8 markah)
- S6** Sebagai seorang pembangun perpustakaan digital di syarikat anda, anda dikehendaki merekabentuk antaramuka yang bersesuaian. Nyatakan **LIMA (5)** perkara yang perlu dititikberatkan dalam membangunkan antaramuka tersebut. (10 markah)
- S7** Salah satu kaedah carian yang biasa digunakan adalah kaedah carian Boolean. Bagi setiap satu operator di bawah, terangkan penggunaan operator tersebut beserta contoh yang bersesuaian.
- (a) AND  
(b) OR  
(c) NOT  
(d) XOR  
(e) NEAR (20 markah)
- S8** Syarikat Teknologi Bistari Sdn Bhd. telah berjaya mendapatkan projek untuk membina perpustakaan digital bagi Arkib Daerah Batu Pahat. Sebagai salah seorang ahli kumpulan pembangunan projek, anda ditugaskan untuk menguruskan bahagian metadata perpustakaan digital tersebut. Terangkan dan huraikan **TIGA (3)** jenis metadata beserta contoh yang bersesuaian dengan Arkib Daerah Batu Pahat. (20 markah)